

7 September 2007 (Jumaat)

PAC tidak puas hati penjelasan LPK

Oleh S. ANAND KUMAR

KUALA LUMPUR 6 Sept. – Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) tidak berpuas hati dengan penjelasan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) berhubung pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang melibatkan kos terlalu tinggi.

Pengerusi PAC, Datuk Shahrir Abdul Samad berkata, pertemuan yang diadakan bersama LPK dan Kementerian Kewangan di bangunan Parlimen hari ini, gagal mendapat jawapan terhadap pelbagai soalan yang dibangkitkan mengenai PKFZ.

"PAC mempunyai banyak soalan berhubung projek (PKFZ) ini, bagaimanapun dalam pertemuan hari ini, kami tidak mendapat jawapannya malah semakin banyak persoalan yang berbangkit terutama berhubung prosedur kewangan," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Turut hadir pada mesyuarat itu ialah Pengurus Besar LPK yang juga Pengerusi PKFZ, Datin O.C. Phang dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Zakaria Bahari.

Sehubungan itu, PAC akan mengadakan pertemuan dengan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) bulan depan bagi mendapat penjelasan lanjut mengenai PKFZ.

"Pertemuan ini untuk mendapatkan penjelasan mengenai beberapa perkara membabitkan kos pengambilalihan tanah dan terbitan bon," tambahnya.

Menurut Shahrir, JPPH akan diminta membuat penilaian nilai tanah yang dibeli LPK daripada Kuala Dimensi pada 2002 untuk membangunkan PKFZ.

Beliau memberitahu, SC juga akan diminta untuk memberi penjelasan mengenai prosedur meluluskan terbitan bon dengan nilai keseluruhan RM4.6 bilion dalam tiga bahagian.

9 September 2007 (Ahad)

30,484 peminjam ingkar PTPTN bakal dikenakan tindakan

KUALA LUMPUR 8 Sept. – Sehingga tahun 2006, sebanyak 30,484 nama peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang gagal menjelaskan pinjaman dihantar kepada Panel Peguam untuk penghantaran notis ketiga.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, seramai 41 lagi peminjam tegar telah pun dikenakan tindakan undang-undang. Hasil tindakan, katanya, 21 peminjam tampil untuk berunding dan bersetuju membayar balik pinjaman.

“Pada pandangan audit, tindakan proaktif dan penguatkuasaan yang dilakukan oleh PTPTN boleh membantu dalam usaha meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam laporannya bagi Badan Berkanun Persekutuan 2006 yang dikeluarkan semalam. Sehingga akhir Disember lalu, PTPTN telah meluluskan sebanyak 949,527 pinjaman melibatkan RM18.4 bilion.

Daripada jumlah itu, 738,027 peminjam merupakan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) melibatkan RM12.77 bilion manakala 211, 500 orang lagi pelajar institusi pengajian tinggi swasta dengan nilai RM5.59 bilion.

Menurut Amrin, PTPTN hanya mampu mengutip sebanyak RM385.57 juta daripada jumlah yang sepatutnya, iaitu RM873.19 juta atau bersamaan 44.2 peratus sehingga tahun lalu. Beliau memberitahu, jumlah tersebut melibatkan 179,786 peminjam daripada seramai 430,763 pelajar yang tamat pengajian masing-masing.

Jelasnya, tindakan lain yang dilakukan PTPTN dalam tempoh sama adalah menyiarkan sebanyak 2,999 nama peminjam ingkar dalam akhbar-akhbar utama. Berdasarkan tindakan tersebut, katanya, seramai 72 peminjam telah membayar balik sementara 15 orang lagi masih belum berbuat demikian manakala 2,282 tiada maklum balas.

PTPTN juga, tambah beliau, mengemukakan sebanyak 378 nama peminjam ingkar kepada Sistem Rujukan Maklumat Kredit Berpusat (CCRIS) yang boleh dirujuk oleh bakal pemberi pinjaman. Sebanyak 2,831 nama lagi, jelas beliau, telah disenaraihitamkan oleh Jabatan Imigresen daripada memperbaharui pasport dan dihalang ke luar negara pada 2005.

9 September 2007 (Ahad)

LHDN gagal serahkan RM13.82b kepada kerajaan

Oleh: HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 8 Sept. – Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) masih belum menyerahkan hasil kutipan cukai berjumlah RM13.82 bilion kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember tahun lepas, menurut Laporan Ketua Audit Negara 2006.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, RM13.82 bilion itu adalah sebahagian besar daripada RM14.62 bilion tunggakan hasil yang belum diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan oleh kementerian serta agensi-agensi kerajaan. Beliau memberitahu, tunggakan hasil adalah jumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Persekutuan pada sesuatu ketika di mana hasil itu terdiri daripada cukai, hasil bukan cukai serta terimaan bukan hasil.

“Jumlah tunggakan hasil Kerajaan Persekutuan telah meningkat dari setahun ke setahun dan sehingga 31 Disember tahun lepas jumlah tunggakan hasil itu sebanyak RM14.62 bilion berbanding RM12.06 bilion pada tahun 2005 dan RM9.43 bilion pada tahun 2004. “Sejumlah RM9.23 bilion daripada tunggakan hasil pada akhir tahun lepas telah tertunggak melebihi tiga tahun,” katanya dalam laporan itu yang dikeluarkan di sini semalam.

Laporan tunggakan hasil kepada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM14.62 bilion terkandung di bawah Kementerian Kewangan, di bahagian Pengurusan Tunggakan Hasil Kerajaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara 2006. Ambrin memberitahu, agensi kedua paling tinggi gagal menyerahkan hasil kepada Kerajaan Persekutuan ialah Kastam Diraja Malaysia (KDRM) iaitu sebanyak RM340.27 juta.

Tambah beliau, agensi-agensi lain ialah Kementerian Kesihatan sebanyak RM113.67 juta, Kementerian Penerangan (RM103.04 juta), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (RM53.09 juta) dan Kementerian Pertahanan (RM34.32 juta). Kementerian Pelajaran pula sebanyak RM28.37 juta, Kementerian Pengangkutan (RM22.82 juta) sementara kementerian-kementerian lain antara RM2.22 juta hingga RM80,000.

Ambrin berkata, antara faktor yang menyebabkan hasil tidak dapat diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan kerana kementerian atau jabatan tidak dapat mengutip hasil tersebut memandangkan pemiutang tidak dapat dikesan, tidak mampu membayar, bankrap, telah meninggalkan negara atau meninggal dunia. Tambahnya, ada setengah kes, syarikat yang berhutang tidak beroperasi, dibubarkan dan tidak dapat dikesan.

“Kementerian dan jabatan gagal untuk mengutip hasil itu juga disebabkan penghutang enggan membayar hutang serta tiada rekod sahih untuk menuntut hasil tertunggak. “Tuntutan sivil di mahkamah juga tidak berhasil dan keputusan mahkamah tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan maklumat,” katanya.

Beliau menambah, kegagalan untuk mengutip hasil itu juga disebabkan kementerian dan jabatan kerajaan kekurangan kakitangan. Bagi menyelesaikan masalah kegagalan kementerian atau jabatan mengutip hasil,

Ambrin mengesyorkan supaya semua rekod berkaitan hasil disediakan dengan lengkap dan kemas untuk pemantauan terhadap urusan tunggakan hasil. Katanya, laporan kedudukan hasil tunggakan hendaklah dibuat dua kali setahun oleh semua kementerian dan jabatan.

“Pada masa ini hanya lima kementerian dan jabatan iaitu LHDN, KDRM, Kementerian Penerangan, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah serta Kementerian Pengangkutan melaporkan kedudukan hasil tunggakan dua kali setahun,” katanya.

9 September 2007 (Ahad)

KDRM dinasihat tidak bangunkan PSTM

KUALA LUMPUR 8 Sept. – Kastam Diraja Malaysia (KDRM) diminta tidak membangunkan sistem Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) bernilai RM451.30 juta kerana sistem sedia ada masih belum digunakan sepenuhnya.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, Sistem Maklumat Kastam (SMK) yang digunakan sejak 1995 dengan kos RM290.12 juta masih boleh berfungsi dengan beberapa penambahbaikan.

Menurutnya, kegagalan SMK berfungsi sepenuhnya adalah disebabkan kegagalan syarikat yang diberi kontrak untuk melaksanakan peralihan teknologi dan kepakaran kepada semua peringkat pegawai KDRM.

“Kontraktor telah gagal melatih pegawai KDRM khususnya pegawai pengurusan projek, reka bentuk sistem, sistem pengurusan pangkalan data, sistem tuning dan penyenggaraan sistem,” katanya.

Beliau membuat cadangan itu dalam Laporan Ketua Audit Negara mengenai aktiviti Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan 2006 yang dikeluarkan di sini semalam.

Ambrin menambah, kegagalan SMK juga disebabkan projek itu tidak dirancang dengan baik sehingga 10 kontrak tambahan perlu ditandatangani untuk menyediakan kemudahan tambahan yang tidak diambil kira semasa perancangan projek asal.

Tegas beliau, kelemahan perancangan tersebut bukan saja menyebabkan projek lewat disiapkan malahan kosnya turut meningkat daripada RM259.94 juta kepada RM290.12 juta.

“SMK yang dibangunkan dalam persekitaran Disk Operating System (DOS) yang tidak mesra pengguna di mana pengguna hanya dapat melihat satu tettingkap.

“Sekiranya sistem itu berasaskan Windows ia membolehkan pengguna melihat beberapa tettingkap pada sesuatu masa dan ada anggota KDRM tidak mendapat latihan yang secukupnya untuk menggunakan aplikasi yang dibangunkan,” jelasnya.

Ketua Audit Negara itu juga memberitahu, perkakasan komputer yang sepatutnya berfungsi bagi memproses SMK telah digunakan untuk kerja-kerja harian.

Ambrin berkata, bagi menjamin kesinambungan operasi SMK, KDRM perlu menyediakan satu pelan pemulihan bencana supaya operasi sistem masih boleh berjalan lancar sekiranya berlaku sebarang masalah yang tidak dijangka.

10 September 2007 (Isnin)

Semua mesti jawab -- Najib minta kementerian perjas laporan Ketua Audit Negara

Oleh NIZAM YATIM

SUBANG 9 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak meminta kementerian yang berkaitan menjawab semua soalan berkaitan salah urus dana awam seperti dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006. Timbalan Perdana Menteri berkata, penjelasan itu perlu bagi membolehkan orang ramai mengetahui sebab-sebab perkara itu berlaku terutama berhubung pembelian sesuatu barangan.

"Mereka boleh menjawab dan bagi saya kementerian-kementerian berkaitan perlu memberi jawapan terhadap persoalan yang ditimbulkan ini," katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Kejohanan Golf Jemputan Business Times 2007 di sini hari ini.

Najib mengulas laporan Ketua Audit Negara mengenai aktiviti kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan 2006 yang mendedahkan mengenai pembelian barangan dan peralatan yang harganya berlipat kali ganda daripada harga pasaran. Laporan itu antara lain memberikan contoh Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang membeli peralatan pada kadar harga yang terlalu tinggi.

Ia termasuk pembelian pemutar skru, pada RM224.94 satu set oleh IKBN berbanding harga pasaran hanya RM40. Turut dipertikaikan ialah pembelian kamera digital pada harga RM8,254.29 seunit berbanding harga sebenar RM2,990. Selain itu harga untuk jek satu tan dibeli pada harga RM5,741.69 seunit berbanding harga sebenarnya hanya RM50.

Masalah lain yang dinyatakan oleh laporan itu termasuk pertubuhan bukan kerajaan yang tidak layak menerima dana daripada kerajaan dan wang itu dibazirkan dengan membeli helikopter yang tidak dapat digunakan.

Selain itu, laporan tersebut turut menyentuh mengenai jumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Persekutuan tetapi masih belum diterima seperti hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil.

Ia termasuk daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Mengenai laporan yang menyebut Ketua Setiausaha (KSU) KBS telah menandatangani 11 kontrak projek IKBN yang setiap satu bernilai antara RM7.99 juta dan RM74.2 juta, Najib berkata, KSU tidak mempunyai kuasa berbuat demikian.

"Ia hanya boleh dilakukan jika dibuat secara tender bernilai kurang RM5 juta. "KSU tidak mempunyai kuasa untuk memberikan kontrak secara terus kerana ia hanya boleh dibuat melalui tender ataupun keputusan Kementerian Kewangan," jelasnya.

10 September 2007 (Isnin)

Kren RM3j tidak munasabah

KUALA LUMPUR 9 Sept. – Dua buah kren menara yang digunakan di dua buah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dibeli pada harga yang tidak munasabah iaitu hampir RM3 juta berbanding harga pasaran kira-kira RM1.5 juta.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, dua menara kren itu ialah Favelle Hammerhead K180 dan Favelle Favco Luffing TD133 yang masing-masing berada di IKBN Chembong, Negeri Sembilan serta IKBN Bachok, Kelantan.

Beliau berkata, kren menara Favelle Hammerhead K180 dibeli pada harga RM2.73 juta sedangkan harga pasarannya cuma RM1.45 juta, manakala kren menara Favelle Favco Luffing pula dibeli dengan harga RM2.99 juta berbanding harga pasaran RM1.53 juta.

“Dengan pembelian kedua-dua kren menara itu, bermakna jumlah yang dibayar oleh kerajaan adalah RM2.74 juta lebih tinggi dari harga pasaran,” katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006. Ambrin berkata, dua kren menara itu digunakan oleh pelatih IKBN yang mengambil jurusan Operator Kren Menara.

Beliau berkata, perkara yang sama turut berlaku dalam pembelian 15 kereta terpakai (tidak lebih lima tahun) oleh IKBN apabila kerajaan terpaksa membayar RM1.44 juta lebih tinggi dari harga pasaran. Perkara itu, katanya, dikesan setelah pihaknya membandingkan harga pakej tersebut dengan senarai harga kereta terpakai setakat Ogos 2002 yang dikeluarkan oleh pihak Ambank.

“Setiap pakej mempunyai empat buah kereta iaitu Honda Civic, Toyota Corolla, Proton Wira dan Iswara. Harganya pula ialah RM280,000 di Semenanjung dan RM291,200 di Sarawak,” katanya. Setelah perbandingan dibuat dengan harga pasaran, beliau berkata, harga pakej tersebut cuma RM183,000 dan oleh itu kerajaan terpaksa membayar lebihan sebanyak RM97,000 bagi setiap pakej.

Beliau berkata, secara keseluruhannya, harga yang dibayar oleh kerajaan untuk membeli kereta-kereta terpakai itu di bawah 15 pakej berkenaan adalah RM4.24 juta. “Jika berdasarkan harga pasaran, kerajaan sepatutnya hanya perlu membayar sebanyak RM2.8 juta,” katanya.

Selain kren menara dan kereta, beliau berkata, pihak audit juga mendapati kerajaan terpaksa membayar lebih bagi sebuah komputer yang dilengkapi perisian Computer Assisted Design and Drafting (CADD) untuk pelatih IKBN sebanyak RM20,135.

“Harga kontrak yang ditawarkan ialah RM29,385 tetapi bila ia dibuat perbandingan dengan harga pasaran, ia cuma RM9,250 (untuk pendidikan),” katanya lagi.

Laporan Khas

11 September 2007 (Selasa)

Laporan Ketua Audit: Penjelasan KBS

MUKADIMAH

JABATAN Audit Negara semalam mengedarkan jawapan-jawapan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengenai teguran dan penemuan salah urus dana awam kementerian itu dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006.

Berikut ialah sebahagian daripada penjelasan kementerian itu mengenai pendedahan Jabatan Audit Negara.

PENEMUAN AUDIT: TIDAK dapat mengesahkan sama ada Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Belia dan Sukan ketika itu diberi kuasa untuk menandatangani sebelas kontrak yang melebihi RM5 juta.

PENJELASAN: Semakan mendapati terdapat surat penurunan kuasa daripada Menteri Belia dan Sukan kepada KSU ketika itu bagi menandatangani lapan kontrak perolehan yang keseluruhannya bernilai RM449,421,436.80.

Didapati harga yang ditetapkan bagi 13 jenis peralatan adalah melebihi harga pasaran. Perbezaan harga timbul disebabkan oleh keadaan tapak yang berbeza di tiap-tiap Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan harga yang dikemukakan oleh pembekal meliputi harga infrastruktur tetapi masih di bawah siling yang ditetapkan oleh Perbendaharaan. Sebut harga daripada Syarikat Favelle Favco bagi kedua-dua kren yang dibeli oleh IKBN ialah RM1.45 juta (hammerhead) dan RM1.53 juta (luffing). Ini bermakna jumlah yang dibayar oleh kerajaan adalah RM2.74 juta lebih tinggi daripada harga pasaran.

Harga pasaran semasa jauh lebih rendah kerana harga pasaran tidak mengambil kira harga tujuan latihan yang sukar dianggarkan kerana ia bergantung kepada rupa bentuk tapak bagi pemasangan kren. Kerja-kerja pemasangan yang dimaksudkan merangkumi pemasangan limit switch, pagar keselamatan, penyaman udara, bekalan elektrik, laluan masuk dan pembersihan tapak serta ubahsuai kren untuk memuatkan empat orang.

Sebanyak 15 pakej kenderaan terpakai telah dibeli dengan harga RM4.24 juta untuk jurusan ketuk-mengetuk dan semburan cat. Hasil daripada perbandingan antara senarai harga kereta terpakai yang diperolehi daripada Ambank Malaysia didapati harga kereta model yang sama yang dibayar oleh kementerian adalah RM1.44 juta lebih tinggi daripada harga pasaran. Perolehan dibuat berdasarkan spesifikasi untuk kegunaan latihan dan bukannya persendirian. Spesifikasi untuk latihan yang ditetapkan merangkumi operator manual, spare part, component list, complete wiring diagram, dan maintenance manual. Dokumen-dokumen tersebut tidak boleh dibekalkan oleh syarikat penjual kereta terpakai tempatan.

Pembayaran bagi pembelian 152 pakej desktop komputer yang dilengkapi perisian Computer Assisted Design Drafting (CADD) untuk jurusan Pelukis Seni Bina di empat IKBN telah dibeli dengan harga RM4.47 juta atau RM29,385 setiap pakej. Harga 152 pakej komputer yang dibekalkan kepada IKBN adalah RM3.06 juta lebih tinggi daripada harga pasaran. Spesifikasi peralatan tersebut didatangkan secara pakej yang merangkumi desktop komputer, perisian CADD, kerusi dan meja komputer, kerja-kerja pendawaian dan networking dan pemasangan vinyl tile pada lantai.

Pembayaran bagi pembelian 430 set papan bancuh simen (mortar board) untuk jurusan Jurubina Bangunan dan Jurusan Jurulepa dan Penjubinan di empat IKBN telah dibeli dengan harga RM441,610 atau RM1,027 setiap satu. Harga pasaran satu set papan bancuh simen hanya RM150, dengan itu harga yang dibayar oleh kerajaan adalah RM377,110 lebih tinggi daripada harga pasaran.

Set papan bancuh simen tidak terdapat dalam pasaran dan perlu dibuat secara custom made dengan menggunakan bahan berkualiti tinggi iaitu kayu jenis resak atau kapur yang tahan kepada kesan cuaca. Tiga unit kabin telah dibeli dengan harga RM425,700 atau RM141,900 setiap berbanding sebut harga daripada Excel Kabin Sdn. Bhd. sebanyak RM20,000. Ini bermakna harga yang dibayar oleh kementerian adalah RM365,700 lebih tinggi daripada harga pasaran.

Semakan mendapati kabin yang dibeli adalah mengikut spesifikasi. Kos bagi pembelian kabin ini termasuk bagi kerja-kerja pemasangan, pemasangan dan sewaan kren. Sebanyak 17 set buku teknikal (technical books) dengan 10 tajuk telah dibeli dengan harga RM181,900 atau RM10,700 setiap set. Kesemua 10 tajuk buku tersebut boleh dibeli daripada koperasi DBP dengan harga RM417 sahaja dan harga yang dibayar oleh kementerian adalah RM174,811 lebih tinggi daripada harga pasaran.

Pembayaran tersebut merangkumi pembekalan 10 set buku setiap tajuk yang diperlukan. Sebanyak lima peralatan lain iaitu Philips Screwdriver, digital kamera, pasu plastik, sette 6 seater PVC dan 2 tonne jack dibeli dengan harga yang tidak munasabah dan mengakibatkan perbelanjaan melebihi RM110,221. Untuk peralatan digital kamera, ia telah dibekalkan bersama tripod, kabel USB, desktop, kabel video dan CD perisian.

Kementerian Belia dan Sukan perlu mengenal pasti pihak yang terlibat dalam perolehan yang tidak teratur yang mengakibatkan kerajaan mengalami kerugian dan seterusnya mengambil tindakan surcaj seperti mana yang ditetapkan di bawah Akta Acara Kewangan 1957. Jumlah perolehan yang dibuat ini adalah besar melibatkan 11 pembekal peralatan yang dibuat dalam dua fasa. Fasa satu berjumlah RM267,885,819.87 menjadikan jumlah keseluruhan RM766,595,707.01.

Perolehan ini juga melibatkan jumlah item peralatan yang banyak dan rumit serta merupakan beban tugas yang berat kepada pegawai yang menguruskannya. Pada masa itu hanya terdapat seorang Ketua Penolong Setiausaha dan seorang Penolong Setiausaha di Cawangan Pembangunan kementerian yang kurang berpengalaman dan berpengetahuan dalam mengendalikan perolehan yang besar dan secara rundingan terus. Ini menyebabkan berlaku salah tafsir dan kurang perhatian dan tumpuan kepada item-item yang kecil dan adalah kurang wajar tindakan surcaj dikenakan ke atas pegawai-pegawai yang terlibat dalam perolehan tersebut. Kementerian adalah komited dalam memastikan agar perkara seperti ini tidak berulang lagi ketika mengendalikan perolehan semasa yang akan dilaksanakan kelak.

Laporan Khas

11 September 2007 (Selasa)

Semua jabatan diarah jelas isu salah urus dana

CYBERJAYA 10 Sept. – Semua jabatan di bawah Kementerian Kewangan diarahkan mengemukakan maklum balas serta-merta mengenai isu salah urus dana awam yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006. Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop memberi jaminan Kabinet akan membincangkan isu tersebut dan setakat ini pihaknya menunggu maklum balas daripada semua kementerian berhubung perkara itu.

“Kita di Kementerian Kewangan akan memberikan maklum balas dengan secepat mungkin dan saya percaya semua kementerian akan berbuat demikian,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan sistem pengangkutan khas Cyberjaya (DTS) di sini hari ini.

Nor Mohamed mengulas laporan akhbar hari ini mengenai arahan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya kementerian-kementerian berkaitan menjawab semua soalan berkaitan salah urus dana awam seperti yang didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006.

Laporan Ketua Audit Negara mengenai aktiviti kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan 2006 mendedahkan mengenai pembelian barangan dan peralatan yang harganya berlipat kali ganda daripada harga pasaran. Laporan itu antara lain memberikan contoh Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang membeli peralatan pada kadar harga yang terlalu tinggi.

Laporan tersebut turut menyentuh mengenai jumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Persekutuan tetapi masih belum dibayar seperti hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil.

Laporan Khas

11 September 2007 (Selasa)

Laporan diteliti – Muhyiddin

KUALA LUMPUR 10 Sept. – Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pihaknya akan melakukan siasatan terperinci terhadap Laporan Audit Negara yang berkaitan dengan kementerianannya. Beliau berkata, setiap laporan akan diteliti satu persatu bagi membolehkan kementerian mengambil tindakan sewajarnya.

“Terdapat beberapa komen yang telah dibuat oleh Ketua Audit Negara secara spesifik dalam laporannya dan ia berkaitan dengan kementerian saya serta agensi-agensi di bawahnya.

“Kami akan menelitinya dan sekiranya perlu di ambil tindakan. pihak kementerian akan berbuat demikian,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar EurepGAP-SALM di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan pada Jumaat lalu yang antara lain turut menyentuh beberapa agensi di bawah kementerian antaranya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Ketika ditanya tindakan yang boleh diambil Muhyiddin berkata, pelbagai bentuk tindakan boleh dikenakan termasuk disiplin.

“Semuanya tertakluk kepada hasil siasatan yang kita jalankan. Jika didapati ia berkait dengan kesalahan, tindakan disiplin boleh diambil ke atas kakitangan terbabit,” tambahnya.

11 September 2007 (Selasa)

Ambil tindakan tegas -- Hukum pegawai lulus tender pada harga melampau – Rafidah

Oleh: NORILA DAUD

KUALA LUMPUR 10 Sept. – Datuk Seri Rafidah Aziz mahu tindakan tegas diambil terhadap para pegawai kerajaan yang meluluskan tender pada tawaran harga tidak munasabah hingga membazirkan wang rakyat. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu berkata, ketiadaan integriti di kalangan pegawai ketika meluluskan projek menyebabkan mereka sanggup menerima tawaran harga yang merugikan daripada pembida tender.

“Saya tidak akan bertolak ansur dalam perkara ini dan sesiapa yang melakukan perkara itu tunggu sahajalah masanya akan tiba (untuk dikenakan tindakan). “Bagi kementerian lain, terpulang kepada kementerian masing-masing,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Wanita UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Rafidah mengulas laporan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang yang mengkritik beberapa kementerian kerana menerima tawaran harga kontraktor yang terlalu tinggi dalam pembelian peralatan tertentu.

Laporan itu antara lain menegur proses pembelian 13 peralatan dan kelengkapan bagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada harga yang melebihi harga pasaran hingga kerajaan terpaksa menanggung kerugian RM8.39 juta.

Ini termasuk pembelian dua menara kren membabitkan perbelanjaan RM5.72 juta berbanding RM2.98 juta mengikut harga pasaran, selain membeli alat pengangkat kereta dua tan berharga RM5,741 seunit berbanding harga pasaran cuma RM50 seunit. KBS juga didapati membeli 17 set buku teknikal dengan 10 tajuk pada harga RM181,900 atau RM10,700 satu set, sedangkan harganya di Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka cuma RM417 satu set.

Menurut Rafidah, harga tawaran yang tidak munasabah itu melibatkan dua pihak antara kontraktor yang memenangi kontrak kerajaan dan pegawai yang mengendalikan proses menilai kontrak-kontrak tender kerajaan.

“Kita berharap kontraktor yang memenangi kontrak kerajaan mempunyai tahap integriti yang tinggi dan tidak berselindung dengan melakukan kerja-kerja yang tidak beretika seumpama itu,” jelasnya.

Rafidah menegaskan, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengendalikan proses menilai kontrak-kontrak sepatutnya lebih terperinci dan berhemah dengan memeriksa setiap dokumen tawaran tender.

Menurut beliau, dalam tender kerajaan yang melibatkan jumlah barangan yang banyak, harga sepatutnya lebih rendah tetapi keadaan didapati menjadi sebaliknya.

“Jika kontraktor hendak untung pun biarlah berpada-pada. Janganlah sampai sebatang pen, sebagai contoh, dikenakan harga RM2.50 walhal harga sebenarnya cuma 80 sen,” katanya.

Rafidah meminta para pegawai tender kerajaan meneliti harga dan mutu barang yang ditawarkan satu persatu dan bukan melihatnya secara keseluruhan yang mungkin menyebabkan penggandaan harga tidak nampak ketara. Katanya, kerajaan mengenakan cukai terhadap pendapatan rakyat, justeru wang rakyat perlu digunakan dengan penuh tanggungjawab. Beliau memberitahu, kerajaan membeli segala keperluan menggunakan duit rakyat.

“Ia bukan duit kerajaan. Sebagai pemegang amanah, kita perlu mengawasi agar wang itu tidak digunakan sebarangan. “Jika duit itu warisan ibu dan ayah, kita boleh membelanjakannya dengan sesuka hati tetapi ini duit rakyat. Itulah sebabnya kerajaan mempunyai Ketua Audit Negara untuk memantau bagaimana duit rakyat dibelanjakan,” katanya.

Rafidah menambah: “Janganlah buat untung dengan duit rakyat, sama-samalah kita rasa bertanggungjawab.”

12 September 2007 (Rabu)

Isu harga melampau: PAC temui Ketua Audit

KUALA LUMPUR 11 Sept. – Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan mengadakan pertemuan dengan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai laporannya yang dikeluarkan Jumaat lalu.

Pengerusi PAC, Datuk Shahrir Abdul Samad berkata, antara isu tumpuan ialah mengenai harga tidak munasabah yang dikenakan oleh pihak kontraktor terhadap kontrak kerajaan. Beliau berkata, selain audit, pihaknya akan memanggil agensi kerajaan terbabit sekiranya memerlukan penjelasan.

“Untuk peringkat pertama ini, kita akan bertemu dengan Ketua Audit Negara untuk mendengar taklimat mengenai segala butiran yang terdapat di dalam laporan yang dikeluarkan baru-baru ini.

“Daripada laporan itu kita akan melihatnya satu persatu khususnya mengenai pembayaran tidak munasabah terhadap kontrak-kontrak kerajaan,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan Ketua Audit Negara yang mengkritik beberapa kementerian kerana menerima tawaran harga kontraktor yang terlalu tinggi dalam pembelian peralatan tertentu.

Antaranya, Ambrin menegur proses pembelian 13 peralatan dan kelengkapan bagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada harga yang melebihi harga pasaran hingga kerajaan terpaksa menanggung kerugian RM8.39 juta.

Shahrir berkata, setelah proses mengadakan pertemuan dengan semua pihak terbabit selesai, PAC akan membuat satu kesimpulan punca ketirisan itu berlaku.

“Saya membayangkan mungkin perkara ini berlaku disebabkan pelaksanaan sistem runding terus dan bukannya tender terbuka.

“Namun begitu ia hanya andaian sahaja. Sebagai badan profesional saya perlu mendapatkan jawapan yang tepat setelah mengadakan pertemuan dengan semua pihak terbabit,” tambahnya.

12 September 2007 (Rabu)

Cek bernilai RM2.9j tidak laku

Oleh SITI MAISARAH SHEIKH ABDUL RAHIM

KUALA LUMPUR 11 Sept. – Sebanyak 878 keping cek tidak laku, bernilai RM2.9 juta diterima oleh Jabatan Hasil Kerajaan Negeri Kedah. Cek tersebut dikeluarkan antara tahun 2004 dan 2006, meningkat sebanyak RM0.42 juta berbanding tahun 2005 bernilai RM2.48 juta untuk pelbagai bayaran.

Cek-cek berkenaan tidak laku kerana beberapa kesilapan seperti baki tunai tidak mencukupi, tiada tandatangan dan kesilapan lain pada cek. Selain itu, laporan setebal 149 muka surat itu mendapati perbelanjaan Kumpulan Wang Bekalan Air bagi tahun 2006 untuk perbelanjaan Pengurusan Bekalan Air melebihi peruntukan yang diluluskan iaitu sebanyak RM145.84 juta berbanding peruntukan sebanyak RM140.86 juta.

Ini menyebabkan tunggakan bayaran balik pinjaman kerajaan negeri terbabit tertinggi iaitu sebanyak RM1.9 juta selain beberapa projek lain berjumlah RM1.94 billion. Bagi Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan Majlis Bandaraya Alor Setar, tunggakan baki bayaran pinjaman balik adalah sebanyak RM152.83.

Bagaimanapun, hanya PKNK sahaja yang menjelaskan ansuran bayaran balik pinjaman berjumlah RM5.03 juta. Laporan itu juga menyebut Pengurusan Kumpulan Wang Amanah terhadap Kumpulan wang Pendahuluan Kenderaan mendapati 31 peminjam mempunyai baki hutang berjumlah RM0.11 juta yang tidak bergerak semenjak tahun 1995.

Pada keseluruhannya, terdapat beberapa kelemahan di dalam pengurusan kewangan di peringkat jabatan daerah dan Jabatan Kerja Raya antaranya, kurang pendedahan pengurusan kewangan yang betul serta pemantauan yang lemah. Ini termasuklah kegagalan penyelenggaraan daftar, buku log, pemeriksaan fizikal dan tindakan pelupusan.

Laporan itu juga mendedahkan pengurusan kewangan badan berkanun negeri, pihak berkuasa tempatan dan majlis agama Islam tidak memuaskan. Yayasan Islam Negeri Kedah, contohnya tidak menyediakan manual kerja, fail meja, senarai tugas dan carta organisasi dengan sempurna.

Sehubungan itu, Jabatan Audit mengesyorkan langkah pembetulan perlu diambil perhatian bagi perkara berkaitan kelemahan pengurusan kewangan yang dilaporkan untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.

12 September 2007 (Rabu)

Kerajaan Kelantan diminta berjimat

KUALA LUMPUR 11 Sept. – Kerajaan Negeri Kelantan diminta mengamalkan perbelanjaan berhemat berikutan kedudukan kewangannya didapati tidak kukuh. Pada masa yang sama, kerajaan pimpinan Pas itu turut diminta tidak mengabaikan perkhidmatan serta sumbangannya kepada rakyat.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan kerajaan negeri tahun lalu menunjukkan peningkatan kepada RM332.56 juta berbanding RM241.97 juta pada 2005.

“Bagi memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri perlu mengekalkan perbelanjaan berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan sumbangan kepada rakyat. “Tindakan berterusan untuk mengutip tunggakan hasil hendaklah dilakukan kerana jumlah tunggakan hasil masih tinggi, iaitu RM68.03 juta berbanding tahun 2005 berjumlah RM27.53 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan hari di Dewan Rakyat. Ambrin memberitahu, Kumpulan Wang Disatukan kerajaan negeri mengalami penurunan berjumlah RM7.73 juta atau 16.7 peratus, iaitu daripada RM46.15 juta pada 2005 menjadi RM38.42 juta tahun lalu.

“Baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2006 berjumlah RM38.42 juta. “Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai berjumlah RM4.29 juta dan pelaburan sejumlah RM34.13 juta,” jelasnya.



12 September 2007 (Rabu)

Bantuan kewangan NGO ikut peraturan – Shahrizat

KUALA LUMPUR 11 Sept. – Dakwaan berlaku pemberian bantuan geran oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tidak wujud adalah tidak benar, kata Menteri Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Beliau berkata, bantuan kewangan kepada NGO itu dibuat dengan mengikut garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan menerusi dua jawatankuasa iaitu Urusetia Perakuan Bantuan Khas Perbendaharaan dan Jawatankuasa Perakuan Bantuan Khas Perbendaharaan.

Shahrizat, dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata laporan Ketua Audit Negara bahawa kementeriannya menghulurkan bantuan kepada sebuah NGO yang tidak wujud, sebenarnya berpunca daripada kekeliruan pemberian geran kepada Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Perak pada tahun lepas.

Katanya, majlis kebajikan itu dibubarkan pada 4 Oktober 2005 tetapi didaftarkan semula pada 2 Jun 2006, sekali gus layak mendapat bantuan semula.

Bagaimanapun Shahrizat berkata, teguran Ketua Audit Negara itu akan tetap diberikan perhatian serius bagi mempertingkatkan dan memantapkan lagi pengurusan teknikal, proses dan prosedur dalam pengagihan bantuan.

– Bernama

12 September 2007 (Rabu)

Hapuskan segera pemberian kontrak secara terus – Omar

KUALA LUMPUR 11 Sept. – Kongres Kesatuan Pekerja- Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mahu kerajaan menghapuskan segera sistem pemberian kontrak secara terus kepada kontraktor atau pembekal. Presidennya, Omar Osman berkata, sistem itu merupakan punca utama berlakunya masalah tender pada tawaran harga tidak munasabah oleh pihak terbabit terhadap barangan yang dibekalkan kepada kerajaan.

Beliau berkata, sebagai ganti sistem pemberian kontrak perlu dilaksanakan melalui tender secara terbuka. "CUEPACS sememangnya menentang sistem pemberian kontrak secara terus kerana ia banyak memberi kesan buruk. Oleh itu kami amat berharap kerajaan mengambil berat tentang cadangan ini. "Satu lagi cadangan CUEPACS ialah seorang pegawai kerajaan yang ditugaskan menyelia pemberian kontrak perlu dihadkan hanya setakat tiga tahun sahaja. Ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan," katanya kepada Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang yang mengkritik beberapa kementerian kerana menerima tawaran harga kontraktor yang terlalu tinggi dalam pembelian peralatan tertentu. Laporan itu antara lain menegur proses pembelian 13 peralatan dan kelengkapan bagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada harga yang melebihi harga pasaran hingga kerajaan terpaksa menanggung kerugian RM8.39 juta.

Ini termasuk pembelian dua menara kren membabitkan perbelanjaan RM5.72 juta berbanding RM2.98 juta mengikut harga pasaran, selain membeli alat pengangkat kereta dua tan berharga RM5,741 seunit berbanding harga pasaran cuma RM50 seunit. KBS juga didapati membeli 17 set buku teknikal dengan 10 tajuk pada harga RM181,900 atau RM10,700 satu set, sedangkan harganya di Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka cuma RM417 satu set.

Dalam perkembangan sama Omar percaya sekiranya pihak audit membuat pemeriksaan ke atas kementerian-kementerian lain masalah yang serupa akan timbul. "Apa yang berlaku ini berkaitan dengan soal integriti serta kegagalan individu terlibat menunaikan tanggungjawab sebagai seorang kakitangan kerajaan serta sebagai seorang muslim. "Oleh itu CUEPACS minta sekiranya terbukti ada kakitangan atau pegawai yang melakukan perkara ini mereka wajar dikenakan tindakan paling tegas. Jangan biarkan mereka terlepas," katanya.

Beliau mengakui isu yang timbul itu sedikit sebanyak menjejaskan imej CUEPACS kerana ahlinya terdiri daripada semua pekerja awam di negara ini. "Semua kakitangan awam baik pangkat rendah atau tinggi harus sedar tanggungjawab kita seharian ialah menjalankan amanah negara manakala wang yang kita uruskan setiap hari itu adalah wang rakyat. Oleh itu tunaikanlah amanah ini dengan sebaik-baiknya," tambahnya.

15 September 2007 (Sabtu)

Indeks akauntabiliti urus kewangan awam ditubuh

Oleh: HELMI MOHD. FOAD

PUTRAJAYA 14 Sept. – Jabatan Audit Negara akan memperkenalkan indeks akauntabiliti pengurusan kewangan ke atas semua kementerian dan perbendaharaan negeri-negeri bermula tahun depan. Indeks itu, kata Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang (gambar), perlu dirujuk sebelum proses kenaikan pangkat para pegawai kanan kerajaan.

Beliau berkata, indeks tersebut merupakan antara syor yang dibuat oleh jabatan itu bagi mengelakkan berulang aktiviti salah urus dana awam seperti yang didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006. Menurutnya, indeks akauntabiliti merupakan satu bentuk penilaian yang objektif ke atas semua kementerian dan kerajaan negeri dengan memberikan markah tertentu bagi menunjukkan sama ada pengurusan kewangan masing-masing baik atau sebaliknya.

“Jika mereka mendapat 90 markah dan ke atas, mereka akan diberikan empat bintang dan jika markah mereka di bawah daripada 15, mungkin mereka hanya dapat satu bintang. “Rating tersebut akan membolehkan pengurusan sesebuah kementerian mengambil tindakan bagi membetulkan dan meningkatkan tahap mereka,” katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Ambrin mengadakan sidang akhbar itu untuk membuat penjelasan selepas Laporan Ketua Audit Negara 2006 yang dibentangkan di Parlimen minggu lalu mendapat perhatian media yang menggunakan laporan itu untuk mendedahkan pelbagai bentuk salah urus dana awam membabitkan beberapa kementerian.

Laporan tersebut turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengarahkan agar semua kementerian terbabit memberikan maklum balas mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Jabatan Audit Negara.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa Badan Pencegah Rasuah (BPR) bebas untuk menyiasat kementerian dan jabatan yang ditegur oleh Ketua Audit Negara berdasarkan maklumat yang terkandung dalam laporan berkenaan. Menurut Ambrin, laporan indeks akauntabiliti yang beliau cadangkan akan dibentangkan di Parlimen sepertimana Laporan Ketua Audit Negara.

Beliau mengingatkan, indeks tersebut perlu diberikan perhatian kerana ia akan memberikan kesan ke atas proses kenaikan pangkat atau penyambungan kontrak jawatan Ketua Setiausaha kementerian dan pegawai-pegawai atasan jabatan-jabatan kerajaan.

Melalui sistem baru itu, katanya, agensi-agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) juga tidak akan terlepas daripada proses audit kewangan iaitu dengan melakukannya secara bergilir-gilir setiap tiga tahun sekali.

Ditanya mengapa laporan audit tahun lalu mendedahkan penemuan yang mengejutkan, beliau berkata, setiap tahun Ketua Audit Negara mengenal pasti pelbagai masalah tetapi tahun ini media memberi perhatian dan memilih untuk menyiarkan isu salah urus dana awam.

Bagaimanapun, tegas Ambrin, pihaknya tidak boleh menyatakan kementerian atau pegawai tertentu melakukan kesalahan berdasarkan laporan yang dikeluarkan itu. “Semuanya telah kita nyatakan dalam laporan tersebut, anda bacalah dan kemudian buatlah kesimpulan anda,” katanya.

Pihaknya juga, kata beliau, tidak boleh menentukan tahap baik atau buruk sesebuah kementerian kerana Jabatan Audit Negara membuat pelbagai jenis audit, antaranya melibatkan kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, pengurusan pelaburan dan pinjaman serta pengurusan aset dan inventori.

Dalam hal ini, katanya, Jabatan Audit Negara tidak perlu membuat laporan kepada BPR kerana Badan Pencegah Rasuah itu mempunyai kuasa untuk membuat penyiasatan berdasarkan laporan audit tersebut.

15 September 2007 (Sabtu)

BPR: Tiada pilih kasih siasat kes audit

KUALA LUMPUR 14 Sept. – Badan Pencegah Rasuah (BPR) menegaskan pihaknya tidak mengamalkan pilih kasih dalam menyiasat dakwaan penyalahgunaan perbelanjaan kementerian dan jabatan kerajaan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Said Hamdan berkata, kementerian dan jabatan terbabit disiasat sebelum laporan Ketua Audit Negara dikeluarkan lagi kerana maklumat mengenainya telah diterima lebih awal oleh BPR.

“Siasatan telah berjalan sebelum laporan audit diumumkan dan keputusan akan diperoleh tidak lama lagi.

“Tidak ada pilih kasih dan mereka yang bersalah akan dihadapkan ke mahkamah,” katanya tanpa menyatakan kementerian dan jabatan kerajaan yang sedang disiasat oleh badan itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penutup Kursus Pensijilan Pengurusan Strategik Eksekutif Kanan Program Pencegahan Rasuah di Akademi Pencegahan Rasuah di sini hari ini.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dalam laporannya yang dikeluarkan baru-baru ini mengkritik beberapa kementerian kerana menerima tawaran harga kontraktor yang terlalu tinggi dalam pembelian peralatan tertentu.

Laporan tersebut antaranya menegur proses pembelian 13 peralatan dan kelengkapan bagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada kadar melebihi harga pasaran hingga kerajaan terpaksa menanggung kerugian RM8.39 juta.

Ini termasuk pembelian dua menara kren membabitkan perbelanjaan RM5.72 juta berbanding RM2.98 juta mengikut harga pasaran, selain membeli alat pengangkat kereta dua tan berharga RM5,741 sebuah berbanding cuma RM50 sebuah di pasaran.

Ambrin turut menegur Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhubung pemberian peruntukan kewangan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Menterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dalam reaksi terhadap teguran itu bagaimanapun berkata, kementeriannya sedia disiasat oleh BPR.

16 September 2007 (Ahad)

Sokong ketelusan urus wang

Oleh: NAZRULLAH ROSLI dan AIZAWATI AHMAD

PEKAN 15 Sept. – Kerajaan bersedia mengguna pakai apa sahaja kaedah baru yang disyorkan oleh Jabatan Audit Negara asalkan dapat menyumbang ke arah pentadbiran kewangan awam lebih cekap, telus dan mempunyai akauntabiliti. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, jika sistem yang dicadangkan itu mampu membawa perubahan yang baik, kerajaan sudah pasti akan memberikan sokongan.

Katanya, sistem itu boleh dilaksanakan dengan syarat ia tidak diragui pelaksanaannya terutama berhubung penilaian ke atas kementerian dan pegawai-pegawai yang menerajunya.

“Kalau sistem yang dicadangkan itu boleh membawa kepada perubahan, ia adalah sesuatu yang baik. “Kerajaan menyokong kaedah itu asalkan apabila dikendalikan nanti, penilaiannya objektif dan telus,” katanya kepada pemberita selepas menyerahkan sumbangan kepada 144 surau dan 55 masjid kawasan Parlimen Pekan, di Dewan Majlis Daerah Pekan di sini hari ini.

Beliau mengulas langkah Jabatan Audit Negara hendak memperkenalkan indeks akauntabiliti pengurusan kewangan ke atas semua kementerian dan perbendaharaan negeri bermula tahun depan. Indeks itu, kata Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, perlu dirujuk sebelum proses kenaikan pangkat para pegawai kanan kerajaan dilaksanakan.

Beliau berkata, indeks tersebut merupakan antara syor yang dibuat oleh jabatan itu bagi mengelakkan berulang aktiviti salah urus dana awam seperti didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006. Indeks akauntabiliti itu akan menyaksikan semua kementerian dan kerajaan negeri diberi markah tertentu bagi menunjukkan sama ada pengurusan kewangan masing-masing baik atau sebaliknya.

Najib seterusnya berkata, langkah memperkenalkan sistem ini dapat mengelakkan berulangnya salah urus dana di kementerian dan jabatan berkaitan. “Kalau tidak ada sistem penilaian, perkara-perkara ini (salah urus kewangan) akan berulang dan membuatkan banyak pihak mengatakan laporan audit itu (sekadar) merupakan cerita lama yang diulang balik,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak mahu pelaksanaan sistem itu menyebabkan berlaku perubahan yang besar dari segi pentadbiran kewangan di semua kementerian.

Rencana

16 September 2007 (Ahad)

Pegang amanah, elak pembaziran

MUKADIMAH

KETIKA menjadi Ketua Audit Negara pada tahun 1993, Tan Sri Ishak Tadin pernah menegur sikap sesetengah kementerian, jabatan dan badan berkanun yang enggan melayan atau memberi sebarang ulasan kepada pertanyaan Jabatan Audit Negara (JAN). Menurut beliau, walaupun ada yang menjawab, jawapan itu hanya layak dianggap sebagai melepaskan batuk di tangga. Sebenarnya tidak banyak yang mengambil endah terhadap laporan audit yang dikeluarkan oleh JAN. Malah lebih mengecewakan lagi apabila laporan audit itu seolah-olah latihan akademik yang tidak dipraktis untuk membuat pembetulan dalam membelanjakan wang rakyat.



TAN SRI AMBRIN BUANG.

Kini 14 tahun selepas teguran Ishak, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang mendedahkan dan menegur apabila berlakunya lebihan perbelanjaan dana negara oleh pihak-pihak tertentu hingga ke peringkat tidak masuk akal. Pendedahan itu dimuatkan dalam Laporan Audit Negara 2006. Ini seolah-olah kelemahan pengurusan kewangan terus berlaku dan tidak diambil tindakan yang sewajarnya. Adakah laporan audit ini juga akan dipandang remeh dan tidak diambil perhatian oleh pihak-pihak tertentu? Laporan audit kali ini memperlihatkan ketidakcekapan pengurusan kewangan yang sangat serius hingga pembelian satu set pemutar skru boleh mencapai RM224.94 berbanding RM40 harga di pasaran.

“Hakikatnya lebihan perbelanjaan seumpama ini berlaku setiap tahun tetapi pihak media tidak melaporkannya,” tegas Ambrin semasa diwawancara oleh wartawan Mingguan Malaysia SITI MARIAM MD. ZAIN dan jurugambar ABD. NAZIR MOHAMED di pejabatnya di Putrajaya, Jumaat lalu.

Walaupun masalah lebihan perbelanjaan ini telah berlarutan sekian lama, namun sebagai pihak yang diberi tanggungjawab melakukan pengauditan, kata Ambrin, tugasnya hanya terbatas di situ saja. “Kita hanya boleh meminta penjelasan daripada pihak kena audit. Dan menjadi tanggungjawab pihak-pihak lain untuk mengambil tindakan susulan,” ujar Ambrin.

MINGGUAN: Di peringkat manakah selalu timbul masalah kelemahan mentadbir dana ini?

AMBRIN: Dalam sistem pentadbiran negara kita ada pelbagai peringkat iaitu Persekutuan, negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Masing-masing mengurus dana kerajaan untuk menjalankan program, projek atau aktiviti. Dari segi pengurusan kewangan, ia merangkumi banyak aspek seperti pengurusan penerimaan wang, pengurusan perbelanjaan wang, pengurusan kewangan itu sendiri dari segi perakaunan, wang amanah, aset, pelaburan dan sebagainya. Bidang pengurusan kewangan ini luas. Masalah kelemahan boleh dikatakan berlaku di semua peringkat. Bezanya ialah sama ada kelemahan itu serius atau kurang serius sahaja.

Di peringkat mana dianggap sebagai serius?

AMBRIN: Seperti yang dikatakan tadi, pengurusan wang merangkumi bidang yang luas. Jadi susah untuk mengatakan secara khusus di mana lebih serius atau kurang serius. Misalannya, pemerhatian kita dari segi pengurusan aset kerajaan, ini selalu merupakan kelemahan nyata di semua peringkat.

Adakah sebelum ini tidak timbul isu belanja meragukan seperti didedahkan baru-baru ini?

AMBRIN: Dari semasa ke semasa kita memang mendapati ini berlaku. Pengauditan kita sebenarnya dibuat secara rawak. Banyak kes masalah perbelanjaan ini ditimbulkan. Dan ini jugalah yang selalu kita bangkitkan dalam laporan-laporan audit kita.

Dalam sejarah negara, pernahkah mereka yang melakukan kesalahan ini diambil tindakan?

AMBRIN: Diambil tindakan kalau bermaksud mereka membuat kesalahan, memang ada peruntukan dalam prosedur kewangan disebut surcaj. Sebab itu apa-apa juga yang berkaitan dengan perbelanjaan, kena ikut prosedur. Misalnya kalau perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan, kita mestilah mendapatkannya. Jika tidak, pegawai yang cuai boleh dikenakan surcaj. Hakikatnya, setiap kementerian atau jabatan ada bajet masing-masing. Sepatutnya mereka harus tahu menguruskan perbelanjaan mengikut perancangan. Tetapi kadang-kadang berlaku keadaan di mana memerlukan perbelanjaan ad hoc atas sebab-sebab tertentu, maka ini memerlukan kebijaksanaan dari segi pengurusan. Dan kalau berbelanja lebih, kita kena mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Dan kalau justifikasinya ada, lebihan ini dibenarkan.

Berapa ramai pegawai awam yang telah dikenakan tindakan disebabkan kesalahan ini?

AMBRIN: Soal berapa ramai telah dikenakan surcaj perlu dirujuk kepada Kementerian Kewangan. Kita tidak terlibat dalam mengambil tindakan. Tugas kita setakat membuat audit selepas itu membentangkan laporan. Terpulanglah kepada agensi kerajaan terbabit untuk mengambil tindakan sewajarnya.

Setakat ini berapa kes telah direkodkan?

AMBRIN: Perkara ini tiada dalam pengetahuan saya kerana Kementerian Kewangan bertanggungjawab membuat susulan tentang apa yang dilaporkan.

Isu berbelanja lebih ini bukanlah suatu perkara baru, ia berlaku sejak dulu lagi. Tetapi mengapa sekarang ini baru mendapat perhatian?

AMBRIN: Kalau kita baca dalam laporan ada satu bab tentang kedudukan masa kini, perkara yang dilaporkan tahun lalu. Saya fikir untuk berlaku adil, lawatlah laman web kami supaya dapat memahaminya secara menyeluruh. Media hanya mengambil beberapa isu mungkin kerana mereka mempunyai ruangan terhad. Contohnya, salah satu kriteria yang kita akan lihat ialah sama ada kementerian terbabit mengambil tindakan dengan teguran yang dibuat. Sebelum ini pun berlaku perkara yang sama tetapi media tidak mendedahkannya. Laporan kami yang melibatkan negeri-negeri juga berlaku kes begini.

Antara dibangkitkan, harga barang dibeli oleh beberapa kementerian terlalu tinggi berbanding harga di pasaran. Mengapa ini boleh berlaku?

AMBRIN: Ini berkaitan dengan pengurusan perolehan. Pengurusan perolehan mempunyai prosedur yang jelas. Pertama, kalau hendak buat perundingan langsung, perlu mendapatkan kelulusan Perbendaharaan dan perlu mematuhi syarat-syaratnya – perundingan itu mesti ke paras harga yang terendah. Untuk memastikan ini berlaku, harus ada kajian pemarkaran. Kemudian, harga yang dirundingkan harus dilaporkan semula kepada Perbendaharaan supaya mereka dapat membuat semakan sama ada harga tersebut munasabah atau tidak. Tetapi kalau ada di kalangan mereka terlepas pandang atau sengaja terlepas pandang, itu yang menyebabkan berlaku (pembelian dengan harga melampau-lampau).

Berdasarkan pemerhatian Tan Sri adakah kes ini disebabkan faktor kecuaiian atau disengajakan?

AMBRIN: Saya melihat ia berkisar kepada sikap. Sikap bukan sahaja bermaksud attitude tetapi ada elemen-elemen lain seperti pemantauan. Kalau orang atas tidak menyelia kerja-kerja orang bawah secara rapi, mungkin akan berlaku kecuaiian. Begitu juga dengan minat. Seseorang itu mesti mempunyai minat untuk menguruskan dana awam ini dengan baik. Kalau tidak, kerja dibuat sambil lewa maka akan menimbulkan masalah. Selain itu, pengetahuan juga penting. Kadang-kadang yang menguruskan kewangan ini terdiri daripada orang baru; latihan tidak mencukupi. Atau mereka lupa kerana telah lama meninggalkan kerja ini – pengetahuan mungkin tidak dikemaskinikan. Ini juga salah satu aspek kecuaiian.

Kebiasaannya apabila mendedahkan pihak yang terbabit dalam isu ini, 'kesalahan' mereka seolah-olah selesai dengan hanya memberikan jawapan secara bertulis. Yang kelihatan sekarang ialah tiada tindakan diambil. Pada Tan Sri sendiri, sehingga bila keadaan begini akan berterusan?

AMBRIN: Kerana itulah kita berharap sebarang kes kecuaiian yang menimbulkan masalah serius seperti penyelewengan haruslah disiasat. Dan kalau benarlah ada kes begini, maka tindakan di bawah undangundang sedia ada hendaklah diambil.

Apa yang boleh pihak Tan Sri lakukan?

AMBRIN: Kita hanya boleh meminta penjelasan daripada pihak yang kena audit. Itu sahaja. Sebab itulah menjadi tanggungjawab kepada pihak-pihak lain untuk turut mengambil tindakan susulan.

Apa sebenarnya peranan JAN?

AMBRIN: Tugas kami menyemak bagaimana tadbir urus dijalankan di pelbagai peringkat. Mana-mana kelemahan yang wujud, menjadi kewajipan kami untuk mendapatkan penjelasan. Sekiranya penjelasan yang diberi didapati mempunyai merit, sebagai juruaudit, itu tidak menjadi masalah. Sebaliknya jika penjelasan kabur atau samar-samar tanpa bukti kukuh, kita akan membuat pemerhatian sewajarnya. Kami juga diminta memberi pandangan tentang penambahbaikan. Ini memandangkan kami menjadi ahli beberapa jawatankuasa peringkat tertinggi. Kerja kami bukan hanya membuat auditing tetapi memberikan buah fikiran ke arah memastikan pengurusan kewangan kerajaan ditingkatkan. Saya menekankan penambahbaikan ini kerana saya berpendapat perkhidmatan awam kita adalah sebuah organisasi yang besar dan kompleks. Maknanya, banyak tangan terlibat dengan hal pengurusan wang, ada yang berpengalaman, ada yang tidak. Peranan kami memberi maklum balas tentang apa yang berlaku di bawah.

Apa yang pihak Tan Sri sendiri boleh membantu dalam menangani masalah ini?

AMBRIN: Kami bersedia memberikan pelbagai bantuan. Kita ada skim anak angkat di mana mereka yang lemah dari segi pengurusan kewangan akan diberikan khidmat nasihat. Kita juga menjalankan pelbagai kursus untuk jabatan-jabatan kerajaan dan juga juruaudit kita untuk sama-sama melihat dari segi pengurusan kewangan ini. Selain itu, kita juga telah memutuskan untuk mewujudkan satu sistem baru dipanggil indeks akauntabiliti. Ia akan mengukur sejauh mana pengurusan kewangan sesuatu jabatan itu dibuat mengikut prosedur ditetapkan. Sistem ini saya anggap sebagai penanda aras. Menerusinya kita akan dapat menilai (pengurusan wang) bukan sahaja antara agensi tetapi dari tahun ke tahun. Ini bagi menangani masalah yang dihadapi iaitu memastikan kelemahan-kelemahan yang telah pun diambil tindakan tidak berulang.

Bagaimanakah sistem ini akan berfungsi?

AMBRIN: Sekarang ini kita membuat laporan dan dalam laporan itu, kita menyebut aspek mana yang bagus, yang lemah dan sebagainya. Sistem indeks akauntabiliti ini akan lebih menyeluruh. Kita akan memberi markah. Misalannya dari segi pematuhan sesebuah jabatan atau agensi yang mencapai 90 peratus, kita akan anggap ini cemerlang. Kalau 50 peratus ke bawah, maknanya sangat lemah. Dalam indeks itu akan ada komponen atau kita panggil indikator. Markah akan diberi kepada semua lapan elemen pengurusan kewangan iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah dan deposit, pengurusan aset dan inventori, pengurusan pinjaman dan pelaburan. Kita akan mencampurkan semua dan memberi markah keseluruhan. Indeks akauntabiliti adalah usaha penambahbaikan untuk membantu kerajaan menilai sejauh mana pengurusan kewangan berjalan dengan baik.

Adakah kurang tumpuan menyeluruh yang menjadi punca mendorong pihak-pihak tertentu berbelanja sewenang-wenangnya tanpa kawalan?

AMBRIN: Sebab itu sekarang kita akan ke setiap kementerian dan mereka akan diberi indeks akauntabiliti. Kita akan membuat audit terhadap pengurusan kewangan mereka. Kita akan semak rekod dan dokumen-dokumen mereka. Maknanya jika sekarang, kita membuat audit, Kementerian Kewangan akan meminta mereka yang diaudit itu memberikan penjelasan. Dalam penjelasan itu mereka akan beritahu apa langkah-langkah yang diambil untuk tindakan-tindakan susulan terhadap isu-isu yang

dibangkitkan oleh laporan audit. Itu sahaja. Tetapi pengauditan tahun depan, kita akan susul untuk memastikan penambahbaikan-penambahbaikan yang dijanjikan itu diambil tindakan atau tidak. Secara mudah, indeks ini merupakan alat untuk menilai prestasi pengurusan kewangan secara objektif menerusi sistem pemarkahan dan rating.

Apa kelemahan ketara sistem sedia ada?

AMBRIN: Saya beri contoh, misalnya apabila mereka diminta memberi penjelasan, penjelasan itu mengandungi macam-macam janji. Soalnya sama ada mereka benar-benar mengambil tindakan atau tidak. Dalam sistem sekarang, kebanyakan kementerian dan agensi mempunyai unit audit dalaman. Ketua Setiausaha sebagai pegawai pengawal, boleh meminta unit audit dalaman ini membuat pemeriksaan; betulkah tindakan pembaikan itu telah diambil atau tidak. Kami pun boleh menyemak dari semasa ke semasa. Maknanya mekanisme itu sudah ada. Cuma sekarang kita hendak memastikan yang ia berfungsi dengan baik. Indeks akauntabiliti ini adalah alat bagi kami untuk mengukur secara objektif prestasi kementerian atau agensi-agensi terlibat.

Kalau dulu disebabkan banyak perkara perlu diperhatikan, mungkin dua atau tiga jabatan sahaja terlibat dalam sistem pengauditan ini setahun. Tetapi sekarang bila diadakan rating, liputan kita akan diperluaskan. Kita akan melaksanakan di kesemua kementerian selain 70 jabatan yang ada. Setahun, kita menjalankan lebih 100 pengauditan. Ini di peringkat Persekutuan. Begitu juga di semua negeri. Dulu sistem pengauditan ini ikut konsep penggiliran. Sistem indeks akauntabiliti ini lebih kepada sistem kad laporan. Menerusi kaedah rating, kita akan memberi penilaian yang lebih adil sebab kita ada garis panduan. Maknanya kalau dulu penilaian hanya berdasarkan persepsi auditor terlibat, sekarang penilaian kita berdasarkan lapan elemen itu tadi.

Sebagai rakyat yang juga pembayar cukai, apa kebimbangan Tan Sri tentang kesan yang akan ditanggung oleh negara jika penyelewengan pengurusan wang kerajaan ini berterusan?

AMBRIN: Pengurusan kewangan merupakan nadi pembangunan ekonomi negara. Jika ada masalah seperti pemborosan, pembaziran dan penyelewengan, tentu ia menjejaskan pembangunan negara. Kerajaan akan kekurangan dana untuk menjalankan aktiviti-aktiviti, program dan projek berkepentingan rakyat. Malah kekurangan wang menyebabkan sesuatu projek itu mungkin terpaksa ditunda.

Dalam hal ini, lambat bertindak juga tentunya akan membantutkan usaha-usaha kerajaan?

AMBRIN: Ada tindakan boleh diambil dengan cepat dan ada memerlukan masa. Sebagai contoh, beban kerja yang ditanggung mungkin besar dan pada masa sama kakitangannya kurang disebabkan pertukaran, bercuti dan sebagainya. Pada ketika itu, dia tidak mampu untuk menanggung semua tugas. Untuk mengatasinya, dia kena lihat dari awal semula dan proses-proses ini semua mengambil masa.

Persepsi sesetengah pegawai awam ialah duit kerajaan boleh digunakan sesuka hati. Hakikatnya ini duit rakyat yang harus diurus dengan baik oleh kerajaan. Komen Tan Sri?

AMBRIN: Wang mungkin boleh mengelabukan mata orang. Ini semua berkaitan dengan sikap. Sikap yang paling penting ialah memegang amanah. Apabila kita diberi tugas, kewajipan kita ialah menjalankannya sebaik mungkin, dengan ikhlas, tanpa agenda kepentingan diri dan sebagainya. Dengan adanya sikap baik itu, kita akan bekerja dan

memberi komitmen yang lebih kerana kita tahu tanggungjawab kita. Dan lebih penting ialah ketua-ketua jabatan sendiri perlu memikul tanggungjawab yang lebih berat untuk memastikan mereka sentiasa memantau. Kerana sekiranya tiada pemantauan sebaliknya menyerahkan bulat-bulat kepada orang bawahan, dan di peringkat itu pula berlaku perkara-perkara yang negatif tadi, tindakan yang hendak diambil sudah terlambat. Itu yang saya maksudkan proaktif.

Maksud Tan Sri, kes-kes seumpama ini sebenarnya berpunca di peringkat bawahan?

AMBRIN: Kita tidak boleh hendak cakap di peringkat bawah sahaja. Bagi saya, kalau benar kes penyelewengan itu berlaku dan ada laporan, BPR akan menyiasat. Jika tidak, tidak berlaku jabatan-jabatan tertentu diseret ke mahkamah.

Berapa banyak kes dibawa ke mahkamah?

AMBRIN: Jumlahnya tiada dengan saya.

Tetapi setakat ini kita tidak pernah lagi mendengar mana-mana kementerian atau jabatan yang telah diambil tindakan, komen Tan Sri?

AMBRIN: Macam apa yang telah saya katakan tadi, masing-masing ada tugas. Tugas kami pengauditan. Pihak lain tugasnya lain. Yang penting ialah kita menjalankan tugas kita. Dan dalam perkara ini, saya percaya mereka semua menjalankan tugas mereka.

Tan Sri kecewa dengan apa yang berlaku?

AMBRIN: Soal saya kecewa atau tidak, tak penting. Yang penting ialah kredibiliti para pegawai awam menyempurnakan ikrar mereka untuk memberikan perkhidmatan cemerlang demi agama, bangsa dan negara. Sebab mereka telah berikrar akan memberikan perkhidmatan terbaik. Dengan kecuaiannya ini, adakah mereka boleh mempertahankan kredibiliti ikrar yang dibuat atau ia hanya satu ikrar kosong?

Kepada mereka ini apa nasihat Tan Sri?

AMBRIN: Saya berharap mereka dapat membuktikan keazaman untuk bekerja dengan lebih teliti. Yang kedua, ketua-ketua jabatan harus memikul tanggungjawab lebih berat untuk memastikan mereka memantau pekerja di bawah yang terlibat dengan pengurusan kewangan. Ketiga, semua warga perkhidmatan awam yang diberi amanah untuk menguruskan dana awam hendaklah mempunyai komitmen, ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap mengawal perbelanjaan. Kita dapati kadang-kadang mereka yang mengendalikan dana awam ini sama ada tidak sedar adanya circular, terlupa ataupun terlepas pandang. Jika ada pemantauan yang sistematik, perkara ini akan mudah dapat dielakkan.

26 September 2007 (Rabu)

PAC temui keganjilan PKFZ

KUALA LUMPUR 25 Sept. – Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail untuk mendengar pandangannya mengenai 'keganjilan' yang ditemui dalam urusan pembelian tanah di Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ).

Pengerusinya, Datuk Shahrir Abdul Samad berkata, pandangan Peguam Negara amat penting bagi membolehkan jawatankuasa itu membuat keputusan mengenai PKFZ. Beliau menambah, Peguam Negara akan diminta memberi taklimat dari sudut undang-undang mengapa tanah PKFZ itu tidak boleh diambil balik oleh kerajaan untuk tujuan pembangunan.

"Penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) mendapati harga tanah PKFZ adalah lebih murah jika diambil balik iaitu pada harga RM10.16 satu meter persegi berbanding RM17 satu meter persegi jika dibeli oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK)," katanya.

Shahrir berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas mempengerusikan Mesyuarat PAC di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Pada mesyuarat kali ini, PAC mendapat taklimat daripada Ketua Pengarah JPPH, Datuk Abdullah Thalith Md. Thani mengenai penilaian harga tanah PKFZ. Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Zarinah Anwar pula memberi taklimat mengenai prosedur meluluskan terbitan bon dengan nilai keseluruhan RM4.6 bilion dalam tiga bahagian.

Projek PKFZ yang menelan belanja besar telah menimbulkan tanda tanya terutama apabila harga pembelian tanah mencecah RM1.088 bilion dan apabila mengambil kira tempoh pembayaran balik selama 15 tahun pada kadar faedah 7.5 peratus setahun, kos keseluruhan pembelian tanah meningkat kepada RM1.807 bilion.

Kos keseluruhan PKFZ ialah RM4.6 bilion setelah mengambil kira pembelian tanah, kerja-kerja pembangunan dan faedah 7.5 peratus bagi bayaran tertangguh selama 10 tahun.

Shahrir memberitahu, keganjilan lain yang turut ditemui ialah mengenai empat penilaian harga tanah PKFZ oleh JPPH dengan harga dari RM10.16 hingga RM17 bagi satu meter persegi.

27 September 2007 (Khamis)

PAC mahu tindakan ke atas kementerian membazir

KUALA LUMPUR 26 Sept. – Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mahu tindakan diambil ke atas kementerian yang didapati melakukan pembaziran seperti yang dilaporkan dalam Laporan Audit Negara 2006. Pengerusinya, Datuk Shahrir Abdul Samad berkata, tindakan itu perlu diambil bagi memastikan perkara tersebut tidak berulang pada masa hadapan termasuk meningkatkan keupayaan kerajaan menghindar perkara tersebut.

Untuk itu, katanya, PAC akan mendalami semua aspek yang telah diaudit dengan mesyuarat pertama akan diadakan pada 4 Oktober 2007 untuk mendapat penjelasan, bermula dengan Kementerian Belia dan Sukan.

“Kita akan mendalami semua isu yang terkandung dalam laporan tersebut dengan bermesyuarat setiap dua minggu dan bertemu dengan semua kementerian yang terbabit. “Dalam kita melihat laporan, kita juga harus mencari jalan bagaimana dapat mengesyorkan kepada kerajaan untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak yang telah melakukan pembaziran,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat penyampaian taklimat laporan tersebut oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang kepada PAC di Parlimen di sini, hari ini.

Antara isu yang menarik perhatian ramai dalam laporan tersebut adalah teguran Ketua Audit Negara terhadap proses pembelian 13 peralatan dan kelengkapan bagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) pada kadar melebihi harga pasaran hingga kerajaan terpaksa menanggung kerugian RM8.39 juta. Dalam hal ini, Shahrir berkata, tindakan awal dan pencegahan perlu dibentuk bagi mengelak kerugian tersebut berulang pada masa akan datang. Shahrir turut menegaskan wujud kelemahan pihak audit dalaman dalam melaksanakan tugas dengan cekap di kementerian dan jabatan kerajaan.

Katanya, keupayaan mereka dalam badan kerajaan perlu dipertingkatkan bagi membantu mengelak sebarang kerugian sebegini. Ditanya mengenai cadangan PAC agar laporan Audit Negara dibentangkan dari semasa ke semasa di Parlimen supaya sebarang masalah dapat dikesan dengan cepat, beliau berkata, langkah ini memerlukan perubahan pada seluruh sistem perundangan.

“Oleh kerana kerajaan menguatkuasakan undang-undang, ia mesti datang daripada mereka dan kerajaan mesti memperbaiki tadbir urusnya,” tegas Shahrir. Ambrin dalam salah satu pembentangannya pula berpendapat, negara sudah pun memiliki sistem yang menyeluruh untuk mengelakkan sebarang pembaziran namun keberkesannya sebenarnya lebih bergantung kepada faktor manusia.

“Ini melibatkan sikap dan cara berfikir. Dalam hal ini, latihan berterusan diperlukan bagi memastikan semua pegawai yang terlibat sedar akan tanggungjawab yang harus dilaksanakan,” ujarinya.